

Ismail Sabri PM rakyat Malaysia, bukan UMNO

um - 2/11/2021 mld: 8

Oleh **ASLINDA NASIR**

aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob agar berlaku adil dalam berkempen ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Jelasnya, sebarang prosedur operasi standard (SOP) tidak harus berat sebelah kerana masalah yang berlaku di Melaka adalah berpunca daripada kerajaan negeri UMNO sendiri.

“Kita rasa kesal dengan keputusan UMNO Melaka yang tidak fikir panjang kesannya. Mereka mulakan punca ini, bebankan rakyat, susahkan rakyat kemudian nak suruh pilihan raya. Tetapi tidak boleh kempen, tidak boleh jumpa orang. Ini pilihan raya apa?”

“Tapi saya dengan Perdana Menteri sudah bagi jaminan menjelaskan tentang SOP. Naik lori, cakap seorang diri, selepas itu kena denda RM10,000?”

“Yang makan punya ramai orang, ada majlis itu tidak denda? Ini negara apa? Darjat apa yang mereka wakil? Saya tidak

**SIDANG
DEWAN
RAKYAT**



setuju sama sekali kalau pilihan raya dibuat dan dibiarkan, saya faham perkara ini mungkin sensitif bagi Perdana Menteri. Tapi dia Perdana Menteri bagi rakyat Malaysia, bukan Perdana Menteri untuk pemimpin UMNO sahaja,” katanya ketika membahaskan Bajet 2022 di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika Datuk Seri Shamsul Iskandar Mat Akin (PKR-Hang Tuah) mencelah perbahasannya dengan menyatakan ketidakpuasan hati apabila didenda semalam ketika menjalankan aktiviti berkempen meskipun tiada orang yang hadir.

“Dua hari lepas kena kompaun RM10,000, kempen tapi tidak ada orang hadir. Orang duduk dalam rumah dengar pun kena kompaun. Jadi Perdana Menteri ada di sini, kita minta tolonglah, macam mana nak pilihan raya kalau tidak boleh kempen?” soalnya lagi.



ANWAR IBRAHIM